

Anggota Bomba dan Penyelamat mengawasi orang ramai yang ingin menyeberang Jambatan Sungai Charu di kilometer 28, Jalan Kuantan - Sungai Lembing yang ditenggelami air hampir 1 meter. Gambar kecil keadaan bandar Kuantan yang dilanda banjir.

[FOTO ZULKEPLI OSMAN/BH]



Pusat kesihatan, klinik diarah tambah ubat

Kuala Terengganu: Jabatan Kesihatan mengarahkan semua klinik dan pusat kesihatan seluruh negeri yang terletak di kawasan mudah dinaiki air menambahkan bekalan ubat sekali ganda berbanding sebelum musim tengkujuh.

Langkah itu sebagai persediaan, memastikan operasi mereka tidak terjejas dengan bekalan ubat, terutama untuk pesakit kronik yang menggunakan ubat secara berterusan.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Anwa Sulaiman, berkata pihaknya sudah mengambil langkah awal bagi tujuan itu dengan menambahkan bekalan ubat untuk kegunaan sepanjang musim banjir.

Persiapan hadapi banjir

Beliau berkata, pihaknya membuat persediaan rapi apabila tiba musim banjir, termasuk bekalan ubat dan juga rawatan perubatan kepada mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan.

“Pesakit kronik yang menggunakan ubat secara berterusan pula, boleh memohon bekalan ubat yang lebih daripada kilinik atau pusat kesihatan untuk sepanjang tempoh musim banjir ini.

“Kemudahan itu diberikan untuk mereka yang tinggal kawasan yang mudah terputus hubungan dengan klinik dan pusat kesihatan. Pesakit kronik ini diminta menyimpan ubat di tempat selamat serta membawanya bersama apabila diarah berpindah ke pusat pemindahan,” katanya.

Empat daerah di Pahang banjir

» Maran paling teruk terjejas, 90 penduduk dipindahkan

Oleh Azman Mahmood, Nik Sukry Ramli, Syazwan Msar, Asrol Awang, Badrul Kamal Zakaria, Adnan Ibrahim, Ikhwan Muhammad dan Ahmad Ismail
bhnews@bharian.com.my

► Kuantan

Hujan berterusan sejak awal pagi kelmarin hingga mencetuskan banjir di Pahang, menyebabkan jambatan Sungai Charu runtuh petang semalam, membuatkan lebih 2,000 penduduk sekitar pekan Sungai Lembing terputus hubungan.

Banjir melanda Maran, Kuantan dan Rompin serta Pekan, menyebabkan 235 penduduk dipindahkan ke 10 pusat pemindahan, sehingga jam 8 malam tadi.

Sungai Pahang, Sungai Lembing, Sungai Galing dan Sungai Charu, dinaiki air sehingga lima meter. Jambatan Sungai Charu di Jalan Sungai Lembing-Kuantan, runtuh jam 4 petang semalam, akibat arus deras selepas mula ditenggelami air mulai awal pagi semalam.

Beberapa laluan ditutup

Jurucakap pusat gerakan operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang berkata, setakat jam 8 malam, Maran paling teruk terjejas dengan 90 mangsa dari Kampung Chendong, Kampung Bak-Bak dan Ulu Luit dipindahkan di tiga pusat pemindahan.

“Beberapa laluan sekitar Rompin dan Kuantan ditutup bagi kenderaan ringan berikutan kejadian hakisan tanah selain dinaiki air sedalam satu meter.

“Laluan sepanjang Jalan Gambang-Muadzam Shah hanya dibuka kepada kenderaan berat, berikutan kejadian hakisan tanah di beberapa kawasan. Kenderaan ringan di-

nasihatkan menggunakan laluan alternatif lain,” katanya.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, berkata 4,208 pesakit kronik di seluruh negeri yang direkodkan hospital dan klinik kesihatan seluruh negeri, dikenal pasti untuk dipindahkan ke kawasan selamat jika penempatan mereka dilanda banjir.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri (JPBBN) Pahang berkata, pihaknya memastikan 579 pusat pemindahan banjir yang boleh menampung 127,100 mangsa siap sedia dengan bekalan makanan dan keperluan sudah dihantar kepada 73 pangkalan hadapan sejak 18 November lalu.

Di **Johor**, keadaan banjir semakin buruk apabila 691 penduduk daripada 178 keluarga sekitar Segamat, Mersing dan Kluang, dipindahkan susulan hujan lebat sejak awal pagi semalam.

Sehingga jam 6 petang semalam, lapan pusat pemindahan dibuka dan keadaan di-

jangka lebih buruk jika hujan lebat berterusan.

Seramai 333 orang dari 85 keluarga di Segamat dipindahkan di empat pusat pemindahan, manakala di Mersing 260 orang daripada 64 keluarga dipindahkan dan di Kluang seramai 98 orang dari 29 keluarga turut dipindahkan.

Lebih ramai pindah

Pegawai Daerah Segamat, Rahim Nin, berkata setakat ini empat kampung di daerah itu dilanda banjir tetapi pihaknya menjangkakan lebih ramai lagi mangsa banjir dipindahkan berikutan hujan berterusan.

Ketua Polis Daerah Mersing, Deputy Superintendan Zulkifli Hashim, berkata pihaknya giat memindahkan mangsa banjir mulai jam 9 pagi.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor, Khattijah Abdullah, berkata semua pusat pemindahan di kawasan terjejas sudah sedia menerima mangsa yang dipindahkan dengan bantuan makanan dan minuman serta selimut.

Di **Terengganu**, daerah Kemaman menjadi kawasan pertama negeri itu dilanda banjir, apabila hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan tiga pusat pemindahan dibuka mulai jam 10.30 pagi semalam.

